

KONSEP AL-‘ADAH MUHAKKAMAH DALAM PEWARISAN TANAH ADAT MENURUT ADAT PERPATIH DI MALAYSIA

*The Concept of Al-‘adah Al-Muhakkamah in the
Inheritance of Customary Land According to Adat
Perpatih in Malaysia*

ⁱSetiyawan Gunardi, ⁱⁱMualimin Mochammad Sahid, ⁱⁱⁱAmir Husin Mohd Nor,
^{iv}Azman Ab. Rahman, ^vMuneer Ali Abdul Rab, ^{vi}Mahmoud Mohamed Ali,
^{vii}Fithriah Wardi, ^{viii}Nik Rahim Nik Wajis & ^{ix}Mohamad Ikwan Hami

ⁱ(Corresponding Author) Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
USIM. setiyawan@usim.edu.my

ⁱⁱPensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM
mualimin.sahid@usim.edu.my

ⁱⁱⁱProfesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM amirhusin@usim.edu.my

^{iv}Prof. Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM azman@usim.edu.my

^vPensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM
muneerali@usim.edu.my

^{vi}Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM
mahmoud@usim.edu.my

^{vii}Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM
fitriwardi@usim.edu.my

^{viii}Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM
drnikrahim@usim.edu.my

^{ix}Pelajar Sarjana Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM
ikwanhami@yahoo.com

Abstrak

Adat Perpatih merupakan salah satu adat yang diamalkan oleh masyarakat di Malaysia khususnya sebahagian besar masyarakat di Negeri Sembilan dan sekolompok kecil masyarakat di Melaka. Adat Perpatih berasal dari Pagar Ruyung, Sumatera yang diasaskan oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang yang menjaga kawasan tanah sebelah darat dan diamalkan di Negeri Sembilan dan Naning. Adat ini dibawa ke Negeri Sembilan oleh orang Minangkabau pada kurun ke-17. Namun begitu, masih terdapat kekeliruan yang berlaku di kalangan masyarakat berkenaan beberapa amalan adat Perpatih yang dianggap bercanggah dengan syarak. Di antara amalan yang menjadi isu perbualan hangat di kalangan masyarakat ialah isu pembahagian Tanah Adat di Negeri Sembilan atau di kalangan masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih. Amalan pembahagian ini dikatakan bercanggah dengan Islam kerana tidak mengikut kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak menerusi kaedah Faraidh. Walaubagaimanapun, kajian yang dijalankan menunjukkan fakta kurang tepat seperti yang beredar di masyarakat dan ia perlu diperbetulkan. Kurangnya pengetahuan di kalangan masyarakat awam terhadap amalan ini telah menyebabkan anggapan bahawa amalan tersebut salah di sisi Syarak. Kajian dan penelitian secara terperinci perlu dijalankan sebelum menghukum sama ada sesuatu perkara itu dibenarkan ataupun sebaliknya. Justeru, artikel ini akan menganalisis dan meneliti secara mendalam berkenaan isu pewarisan tanah Adat dan kaitannya dengan konsep Al-'Adah Muhakkamah. Metodologi yang digunakan adalah kajian kepustakaan yang menganalisis data-data secara deskriptif. Selain itu metod perbandingan juga akan digunakan untuk membandingkan hujah-hujah yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang menyelidik, mengkaji dan menulis dalam isu ini. Hasil kajian mendapati bahawa amalan pewarisan tanah Adat ini bertepatan dengan konsep Al-'Adah Muhakkamah berdasarkan kepada analisis yang telah dibuat. Secara dasarnya, amalan

tersebut tidak menunjukkan tanda-tanda bahawa ia salah di sisi Islam kerana tidak terdapat dalil (nas) atau bukti yang mengharamkannya.

Kata kunci: Adat Perpatih, Al-'Adah Muhakkah, Pewarisan, Tanah Adat, Negeri Sembilan

PENGENALAN

Negeri Sembilan adalah unik dengan Adat Perpatihnya. Namun ia juga diamalkan di sesetengah daerah di Melaka seperti Naning. Adat ini telah diamalkan sejak sekian lama dan telah diwarisi dari generasi ke generasi yang terdahulu. Adat ini dipercayai berasal daripada Minangkabau iaitu sebuah negeri yang terletak di tengah-tengah sebelah barat Pulau Sumatera Indonesia. Adat Perpatih adalah satu tata cara hidup yang lengkap merangkumi sistem sosial, jenayah, muamalat, sistem pembahagian harta pusaka, perhubungan di antara suku.

Islam menganjurkan prinsip universal dan fleksibiliti. Keistimewaan ini merupakan satu pendekatan bagaimana Islam bukan sahaja dilihat sebagai satu agama yang bersifat ritual semata-mata, sebaliknya Islam adalah satu sistem tata cara hidup yang menyeluruh. Namun dalam masa yang sama ia mempunyai sifat yang tetap.

Corak pewarisan harta pusaka menurut Adat Perpatih adalah bersifat mementingkan kaum wanita berbanding kaum lelaki. Sehingga wujudnya istiadat '*berkadim*' iaitu upacara mengambil anak angkat perempuan di dalam sesebuah keluarga sekiranya keluarga tersebut tidak mempunyai seorang anak perempuan. Tindakan ini cukup untuk membuktikan kepentingan peranan anak perempuan di dalam adat tersebut sebagai pewaris dan pemegang amanah. Maka timbulah permasalahan yang meragukan corak pewarisan tersebut apabila ada pandangan yang berpendapat bahawa sistem pewarisan pusaka sedemikian telah menyalahi hukum Islam.

PENGERTIAN DAN PENGENALAN TANAH ADAT

Tanah adat adalah merujuk kepada tanah di bawah hak milik Pejabat Tanah yang diwartakan di bawah Enakmen Pegangan Adat Bab 215 dan Enakmen Pegangan Adat (Tanah Lengkongan) 1960 dan ianya diwarisi secara turun temurun oleh sesuatu suku kaum secara berkelompok. Dalam sijil daftar tersebut tercatat nama suku atau kaum berkenaan. Tanah adat terdapat di Negeri Sembilan dan Melaka.1

Enakmen Pemegang Adat Bab 215 digunakan untuk mentadbir adat-adat di Daerah Kuala Pilah, Jempol, Jelebu, Rembau, Tampin dan Daerah Kecil Gemas. Di Negeri Sembilan dari perspektif adat terdapat tiga belas wilayah adat iaitu Luak Sungai Ujung, Wilayah Adat Dato' Muda Linggi, Luak Jelebu, Luak Rembau, Luak Ulu Muar, Luak Terachi, Luak Gunungpasir, Luak Inas, Luak Jempol, Luak Johol, Wilayah Adat Tunku Besar Tampin, Luak Gemencheh dan Luak Wilayah Adat Penghulu Pusaka Ayer Kuning.

Enakmen ini tidak terpakai bagi daerah Seremban dan Port Dickson kerana kedua-dua daerah ini tidak mempunyai tanah adat. Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkongan) 1960 dibuat khusus bagi tanah-tanah kepunyaan masyarakat “*Adat Lengkongan*” yang digunakan untuk mentadbir tanah-tanah Adat Lengkongan di daerah Kuala Pilah sahaja. Adat Lengkongan diamalkan oleh masyarakat keturunan bagi yang pernah berkhidmat dengan Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan (Norhalim Hj Ibrahim, 2001).

JENIS HARTA DI DALAM ADAT PERPATIH

Harta adalah sesuatu yang dimiliki oleh seseorang semasa ia hidup sama ada ianya dimiliki secara sempurna atau tidak. Ia juga boleh didapati secara fizikal ataupun kepentingan seperti saham dan lain-lain. Apabila dia sudah meninggal dunia, harta tersebut akan bertukar kepada harta pusaka. Harta pusaka adalah harta peninggalan si mati meliputi tanah, wang, saham dan harta dalam bentuk seperti emas, rumah, kereta dan lain-lain lagi. Dalam Adat

Perpatih, harta terbahagi kepada empat jenis iaitu harta pusaka adat iaitu lazimnya merujuk kepada tanah kepunyaan sesuatu suku. Harta ini diwarisi sejak turun temurun daripada ibu kepada anak perempuan atau kepada saudara perempuan terdekat si mati. Kedua, harta pembawaan iaitu harta kepunyaan lelaki sama ada tanah atau sebagainya semasa carian bujang, pemberian ibu bapanya atau harta bahagiannya hasil dari pembahagian harta carian daripada perkahwinan yang dahulu. Ketiga, harta dapatan iaitu harta kepunyaan perempuan, khususnya tanah pusaka yang diwarisi, harta carian sewaktu belum berkahwin, sewaktu janda dan juga bahagian yang diperolehinya sewaktu bercerai. Keempat, harta carian laki bini iaitu harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri. Termasuk dalam harta carian ini juga segala harta yang ditambah oleh harta pembawaan dan harta dapatan.

WARIS-WARIS DI DALAM ADAT PERPATIH

Waris ialah orang yang terdekat dan mempunyai hubungan dengan si mati yang mana mereka ini berhak mendapat bahagian di dalam pembahagian harta pusaka. Di dalam Adat Perpatih, waris terbahagi kepada empat seperti berikut:

- i. **Pertama:** anak perempuan si mati. Jika anak perempuan si mati hanya seorang, maka semua harta pusaka tersebut akan dimiliki olehnya. Jika si mati mempunyai ramai anak perempuan, maka harta tersebut akan dibahagikan secara persetujuan bersama. Jika tidak ada persetujuan, harta tersebut akan dibahagikan sama rata.
- ii. **Kedua:** waris ikrab, iaitu kakak dan adik perempuan si mati. Jika si mati tidak meninggalkan anak perempuan, maka harta tersebut akan turun kepada waris ikrab.
- iii. **Ketiga:** waris bersanak, iaitu jika waris ikrab tiada, harta itu akan dibahagikan kepada waris bersanak yang terdekat mengikut susunan iaitu sanak ibu iaitu keluarga satu pupu, sanak datuk iaitu keluarga dua pupu, sanak nenek iaitu keluarga tiga pupu dan sanak moyang iaitu keluarga empat pupu.

- iv. **Keempat:** anak angkat. Harta pusaka boleh diwarisi oleh anak angkat dengan syarat kesemua waris di atas tiada atau jika waris yang berhak bersetuju bahagian tersebut ‘diberi’ kepada anak angkat berkenaan. Perkataan ‘diberi’ merujuk kepada bahagian yang telah diperuntukkan di dalam harta pusaka (Azima Abdul Manaf 2009).

KONSEP HARTA MENGIKUT ADAT PERPATIH

Harta warisan boleh dikategorikan sama ada harta pusaka dan harta pencarian. Setiap suku mestilah mempunyai harta pusaka yang tidak boleh dipindahkan kepada suku yang lain. Harta pusaka itu merupakan rumah, tanah sawah dan tanah ladang. Tanah pusaka adalah tanah yang diwarisi turun temurun daripada ibu, kepada anak perempuan dan seterusnya kepada keturunan perempuan. Manakala tanah bukan pusaka adalah tanah carian suami isteri atau carian bujang, yang diperolehi sama ada melalui pembukaan tanah baru atau melalui pembelian tanah baru. Tanah bukan pusaka kepunyaan si bapa akan kekal dikategorikan sebagai tanah bukan pusaka jika diwarisi oleh anggota lelaki, tetapi setelah diwarisi oleh anggota perempuan, tanah itu akan boleh menjadi tanah pusaka adat suku perempuan berkenaan.

Di daerah Kuala Pilah, peruntukan tanah pusaka bagi sesuatu suku telah diimplementasikan melalui konsep tanah adat. Harta pusaka (tanah adat) tidak mungkin dimiliki oleh perseorangan. Ini adalah merupakan kaedah ‘survival’ sesuatu suku supaya suku itu tidak terhapus dan berpindah ke wilayah lain. Setiap suku mestilah mempunyai tanah pusaka dan tidak boleh dipindahkan kepada suku yang lain. Mengikut peruntukan Enakmen

Pemegangan Adat Bab 215 dan Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lenkongan) Tahun 1960, tanah adat hanya boleh diwarisi oleh perempuan dari suku yang sama dari pemilik yang sebelumnya. Bagi individu perempuan yang tiada anak perempuan, ia akan menimbulkan masalah kepada harta pusaka. Harta pusaka hanya boleh diwarisi oleh anak perempuan. Untuk mengelakkan harta

keluar dari suku, maka dibolehkan mengambil anak angkat dan dimasukkan ke dalam suku tersebut.

Dua jenis berkadim iaitu berkadim pinang sebatang dan berkadim aur serumpun. Bagi membolehkan berpindah milik tanah adat kepada anak angkat iaitu seorang perempuan yang bukan dari suku yang sama, Adat Perpatih mewujudkan satu proses yang dikenali sebagai berkadim aur serumpun. Berkadim ini akan dilakukan oleh individu perempuan yang tiada anak perempuan untuk menjaganya di waktu tua dan mewarisi tanah pusakanya (Hajah Makiah Tussaripah Hj Jamil dan Jamaliah Mohd Taib 2012).

PENGERTIAN AL-‘ADAH MUHAKKAMAH

Al-‘Adah Muhakkamah merupakan kaedah kelima daripada kaedah-kaedah fiqh yang utama. Di dalamnya terkandung pula beberapa kaedah furu’ yang lain.

Al-‘Adah Muhakkamah secara bahasa diambil dari kata *al-aud* (الْأَوْد) atau *al- mu’awadah* (الْمُؤْمِنَة) yang bererti berulang. Syeikh Ahmad Al-Zarqa menyebutkan definisi *al-‘adah* (adat) adalah sesuatu ungkapan dari apa yang terpendam dalam diri, perkara yang berulang-ulang yang biasa diterima oleh tabi’at (perangai) yang sihat. *Al-‘adah* (adat) didefinisikan juga sebagai sesuatu perbuatan atau perkataan yang terus menerus dilakukan oleh manusia kerana dapat diterima akal dan manusia mengulanginya terus menerus (Ahmad Al-Zarqa, 2012).

Para ulama memberikan pengertian *al-‘adah* (adat) sama dengan *al-urf* kerana situasinya yang sama walaupun dengan ungkapan yang berbeza. *Al-‘urf* didefinisikan dengan apa yang diketahui manusia dan mengulanginya dalam ucapannya dan perbuatannya sampai hal tersebut menjadi biasa dan berlaku umum. *Al-‘urf* ialah sesuatu yang telah diketahui oleh ramai orang dan dikerjakan oleh mereka dari perbuatan dan perkataan atau sesuatu yang ditinggalkan. Hal ini dinamakan pula dengan *al-‘adah* (adat) dan dalam bahasa ilmu syarak tidak ada perbezaan di antara *al-urf* dan *al-adah* (Habyb Mudzakir, 2014).

Adat (*al-'adah*) sebagai hujah

Berdasarkan kepada pandangan para ulama' usul fiqh, mereka bersepakat *al-'adah* (adat) yang tidak menyalahi dalil syarak, sama ada adat yang umum mahupun yang khas, *lafzi* (secara lafaz) mahupun *qauli* (perkataan) dapat dijadikan hujah dalam menetapkan hukum islam. Imam Al-Qarafi, seorang mujtahid yang bermazhab maliki misalnya, mengatakan bahwa seorang mujtahid dalam menetapkan suatu hukum harus terlebih dahulu meneliti kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat setempat sehingga hukum yang ditetapkan itu tidak bertentangan atau menghilangkan kemaslahatan masyarakat tersebut.

Imam Al-Syatibi, dan Ibn Qayyim Al-Jauziyah berpendapat sama dengan Imam Al- Qarafi bahawa Adat (*al-'adah*) boleh diterima sebagai dalil untuk menetapkan hukum Islam. Namun, kedua Imam tersebut memberikan catatan, apabila tidak ada nas yang menjelaskan hukum suatu masalah yang dihadapi. Misalnya, seseorang yang mempergunakan khidmat tandas awam dengan harga tertentu sedangkan berapa lama tempoh di dalam tandas itu dan berapa jumlah air yang dipakai tidak jelas. Sesuai dengan ketentuan umum hukum Islam tentang suatu akad, kedua perkara itu haruslah jelas. Tetapi kerana perbuatan seperti ini telah menjadi kebiasaan masyarakat, maka seluruh ulama' mazhab menganggap sah akad itu. Menurut mereka, Adat (*al-'adah*) seperti ini termasuk adat dalam bentuk amali.

Penetapan Adat (*al-'adah*) sebagai hujah oleh para ulama' seperti di atas, banyak disokong oleh beberapa hadis yang di dalamnya mengukuhkan Adat (*al-'adah*) sebelumnya yang telah berkembang di masyarakat. Misalnya, kebolehan jual beli yang sudah ada sebelum Islam. Hadis-hadis Rasulullah SAW juga banyak yang mengakui Adat (*al-'adah*) yang telah berlaku dalam masyarakat, seperti hadis yang berkaitan dengan jual beli saham (pesanan). Dalam sebuah riwayat dari Ibn Abbas dikatakan bahawa ketika Rasulullah SAW hijrah ke Madinah, Rasulullah SAW melihat penduduk setempat melakukan jual beli saham. Lalu Rasulullah SAW bersabda, siapa yang melakukan jual beli saham, maka hendaklah ditentukan jumlahnya, takarannya dan tenggang

waktunya (Hadis Bukhari, no. 2253). Memahami kedudukan Adat (*al-'adah*), dan banyak dijumpai di dalam hadis, para ulama' usul fiqh kemudian membuat kaidah-kaidah yang berkaitan dengan adat ini yang pada isinya mengatakan Adat (*al-'adah*) boleh dijadikan dasar hukum (M.Maulana Hamzah, Rahmat Budiman, Yudi Yudiana t.th.).

Syarat dan rukun kaidah Al-'Adah Muhakkamah

Dalam membahaskan kaidah al-'Adah Muhakkamah, dua buah perbahasan yang perlu diteliti ialah perkataan *al-'adah* dan perkataan *Muhakkamah*. Kedua perkataan tersebut merupakan suatu susunan dalam bahasa Arab yang membentuk pemahaman bagaimana Adat (*al-'adah*) atau kebiasaan diperlakukan sebagai suatu dalil dalam mengistinbatkan hukum iaitu tahkim. Maka perlu ada penjelasan tentang adat yang bagaimana dan juga penjelasan proses istinbat yang bagaimana sehingga kaidah tersebut dapat berlaku.

Rukun kaidah:

1. Rukun pertama ialah *al-'adah* atau *al-'urf* itu sendiri. Menurut Syekh Fahmi Abu Sinnah, pengertian Adat (*al-'adah*) itu sendiri merupakan sesuatu yang terjadi berulang-ulang sama ada sengaja atau tidak sengaja oleh masyarakat. Sehingga menurutnya Adat (*al-'adah*) juga harus memiliki dua rukun utama:

- i. Pelaksanaan yang berulang-ulang
- ii. Tindakan tersebut dapat diterima oleh masyarakat berakal ataupun kebanyakan masyarakat.

Sedangkan para pengkaji hukum Islam mengutarakan bahawa terjadinya *al-'adah* mahupun *al-'urf* ialah kerana adanya kepercayaan pada masyarakat yang melakukannya bahawa hal tersebut merupakan hal yang lazim.

2. Rukun kedua ialah muhakkamah, mengenai proses tahkim terhadap *al-'urf* mahupun *al-'adah*. Adapun muhakkamah merupakan bentuk isim maf'ul dari kata *hakkama-yuhakkimu-muhakkam*, sehingga ertinya hukum tentang sesuatu akan diserahkan kepada kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat. Akan tetapi, sebelum *al-'urf* dijadikan sebagai sandaran istinbat, terdapat syarat-syarat dalam proses pembentukan hukum tersebut sebagai implementasi kaidah *al-'adah muhakkamah*.

Syarat kaidah:

1. Syarat pembentukan dan kebiasaan Adat (*al-'adah*):

- i. Adat tersebut diakui oleh kebanyakan masyarakat, diketahui oleh sebahagian besar golongan suatu masyarakat, meskipun terdapat beberapa bahagian kecil yang tidak mengikuti tetapi tetap mengakuinya.
- ii. Terjadi secara umum, tidak terjadi secara khusus untuk golongan tertentu, melainkan berlaku untuk seluruh masyarakat muslim.

2. Syarat menjadikan kaidah sebagai dasar hukum:

- i. Haruslah memenuhi syarat dan rukun yang disebut di atas.
- ii. Haruslah ada suatu kejadian yang dimaksudkan untuk berlakunya kaidah tersebut sesuai dengan dalil al-Quran dan Hadis. Sehingga kaidah tersebut tidaklah digunakan secara tidak sengaja.
- iii. Tidak bertujuan untuk berlawanan atau bertentangan dengan nas yang sudah terdapat di dalam al-Quran dan Hadis.
- iv. 'Urf tersebut sudah berlaku sebelumnya, sehingga penetapan kaidah bukanlah untuk mengesahkan 'urf yang belum terjadi.
- v. Suatu kejadian yang akan dihukumi haruslah berkaitan dengan 'urf dan kebiasaan yang ada dan telah berkembang di masyarakat.

- vi. Kaidah tersebut bukan untuk berlawanan dengan dalil lain yang lebih tepat sebagai rujukan istinbat hukum pada masalah tertentu.

Keadaan al-‘urf yang muncul setelah munculnya nas:

Terdapat 3 perkara yang perlu diambil untuk menerima/pakai dalil al-‘urf yang muncul setelah munculnya nas, seperti berikut:

- a) Bahawa *al-‘urf* (uruf) yang bertentangan atau menyalahi nas, sudah jelas pasti akan ditolak. Contohnya ialah pelarangan segala jenis kebiasaan riba dan arak pada masa Nabi Muhammad SAW dan segala yang menyerupai hal tersebut di masa selepasnya.
- b) Apabila *al-‘urf* (uruf) yang baru tersebut dapat dikembalikan hukumnya kepada hukum asal yang terdapat pada nas atau ijma’ ulama’ sebelumnya maka *al-‘urf* (uruf) tersebut boleh diterimapakai sebagai sandaran istinbat hukum. Tapi apabila tidak boleh dikembalikan ke hukum asalnya, maka uruf tersebut ditolak.
- c) Apabila uruf tersebut jelas bertentangan dengan nas, maka dilakukan dua pendekatan lain, iaitu:
 - i. Pendekatan terhadap nas yang terkait, apakah ia memiliki elemen uruf yang terjadi pada masa munculnya nas sehingga ketika uruf pada nas tersebut telah berubah maka karakteristik hukumnya juga ikut berubah.
 - ii. Nas yang terkait beserta dengan ‘*illat*-nya menolak dengan jelas uruf tersebut secara tekstual mahupun secara ijtihadi (Firdauska Darya Satria 2015).

Amalan pembahagian pusaka dalam masyarakat Nusantara

Menurut Wazeer Jahan Karim, bentuk penting sistem masyarakat Asia Tenggara adalah bilateral yang mana kedudukan dan peranan kaum wanita sama dengan kaum lelaki. Ini merupakan dinamisme adat Melayu ketika berinteraksi dengan syariah Islam. Kaum wanita terdedah kepada adat Melayu yang mengiktiraf kedudukan wanita, sedangkan kaum lelaki dengan syariah Islam yang dibawa oleh kelompok patriaki walaupun Islam pada asasnya memperakui hak-hak wanita. Proses sintesis antara pengamalan adat dan syariah menghasilkan anjakan pada pembinaan gender di mana lahir masyarakat bilateral.

Namun begitu, dari perspektif hukum Islam interaksi antara syariat dan adat walaupun dilihat berupa hubungan konflik ini adalah proses biasa dalam pemurnian amalan budaya masyarakat setempat dengan ajaran Islam, malah dalam perundangan Islam, adat dan uruf diterima sebagai sumber perundangan. Ia bersesuaian dengan prinsip al-‘adah muhakkamah iaitu adat itu diperakui. Dengan kata lain amalan yang baik dan tidak bertentangan dengan syariat Islam akan diterima dalam perundangan Islam. Manakala amalan yang buruk bertentangan dengan ajaran Islam akan dimansuhkan. Tahap interaksi antara syariat dengan adat masyarakat Melayu berlangsung dalam masa yang panjang. Fenomena ini dapat dilihat dalam berbagai penyelesaian yang ditawarkan oleh adat masyarakat Melayu di Nusantara.

Dalam sejarah kebudayaan Melayu, antara penyelesaian kepada ketidakseimbangan hak wanita dengan lelaki, ulama' telah menerima pendekatan alternatif *musalahah* atau *al-tanazul* (rundingan damai) sukarela untuk keseimbangan bahagian pusaka. Ia dikenali sebagai pembahagian secara muafakat. Saudara lelaki dengan rela akan melepaskan hak untuk dibahagikan sama rata dengan saudara wanita. Pendekatan muafakat ini tidak bercanggah dengan syariat kerana ia melibatkan pemberian dan pelepasan hak secara rela. Berbeza dengan pendekatan sulh yang berimplikasiakan *aqad mu’awadah* iaitu perlepasan hak dengan bayaran tertentu.

Secara umumnya, dalam amalan pembahagian pusaka masyarakat Nusantara, terdapat beberapa bentuk pewarisan yang berasaskan undang-undang adat. Ada yang mengutamakan jalur keturunan bapa, ada yang mengutamakan jalur ibu dan ada yang mengambil kira kedua-dua golongan (Mohd Anuar Ramli, Mohammad Aizat Jamaludin t.th.).

Pendapat Ulama berkenaan pembahagian tanah adat di Negeri Sembilan dan kaitannya dengan ‘Adah Muhakkamah.

Mufti Negeri Sembilan, Dato’ Mohd Yusof menyimpulkan bahawa amalan pewarisan tanah adat telah menjadi peraturan turun temurun dalam masyarakat Minangkabau sebelum mereka Islam lagi. Amalan ini juga tidaklah bertentangan dengan maqasid al-syari’ah yang bertujuan menjaga lima perkara iaitu agama (*al-din*), nyawa (*al-nafs*), akal (*al-aql*), maruah (*al-muru’ah*) dan harta (*al-mal*) (Mohd Yusof, 2016).

Oleh itu, adat ini juga telah diperkuatkan lagi oleh Islam dengan kaedah-kaedah fiqh seperti adat sebagai rujukan hukum (*al-adah muhakkamah*) dan Penentuan hukum berdasarkan ‘urf sama seperti penentuan hukum berdasarkan nas (*al-ta’yin bi al-urf ka tl-ta’yin bi al-nas*). Sebagai hasil kajian, beliau telah membuat beberapa kesimpulan sebagaimana berikut:

- i. Tanah adat merupakan tanah milik suku, bukan milik peribadi, yang tidak boleh dijual atau digadai mengikut amalan Adat Perpatih.
- ii. Penama yang terdapat dalam Surat Hakmilik yang diberikan oleh Pejabat Tanah adalah pemegang amanah atas nama tersebut.
- iii. Penama mempunyai peranan dan tanggungjawab seperti yang terdapat dalam Adat Perpatih berlegar sekitar permuafakatan dan perkongsian manfaat dengan waris dalam suku.
- iv. Tanah Adat tidak termasuk dalam harta yang difaraidkan kerana tidak terdapat pemilikan mutlak sempurna atas tanah tersebut.

- v. Tanah adat atau tanah pusaka tidak dapat dianggap sebagai harta wakaf dzurri.
- vi. kerana kedudukan tanah adat sebagai hak milik suku, bukan individu.
- vii. Jenis-jenis tanah atau harta yang selain tanah adat yang termasuk di bawah tanah atau harta bawaan, harta daptan dan harta carian adalah dibahagikan mengikut sistem pewarisan Faraidh.
- viii. Pewarisan tanah adat di Negeri Sembilan tidak bertentangan dengan ajaran Islam (Jabatan Mufti Negeri Sembilan, 2016).

RUMUSAN

Secara kesimpulannya, amalan pewarisan tanah adat di dalam amalan Adat Perpatih ini menepati ciri-ciri konsep Al-‘Adah Muhakkamah berdasarkan kepada syarat-syarat dan kriteria tertentu yang telah digariskan oleh para Ulama’. Jika di dalam masalah perkahwinan dan penceraian, hukum syarak mempunyai pengaruh yang besar dalam hukum Adat Perpatih, begitu juga dalam masalah perwarisan serta pembahagian harta pusaka di mana ia jarang sekali dipengaruhi oleh peraturan lain terutamanya mengenai tanah. Menurut konsep umum Adat Perpatih, sistem pewarisannya adalah bersifat kolektif di mana setiap ahli waris tidak mempunyai hak atas harta peninggalan si mati, tetapi mempunyai hak pakai sahaja. Pada dasarnya harta pusaka ialah harta kepunyaan suku atau perut. Suku dianggap sebagai pengawal harta dan setiap ahli suku berhak atas harta itu.

Tanah pusaka adalah turun-temurun di dalam suku dan tidak boleh dijual beli. Ia merupakan warisan mengikut susur galur keturunan perempuan. Pusaka itu hanya boleh dipindah milik di dalam suku dengan keizinan Lembaga pada sebarang penjualan terhadap harta itu. Harta pusaka yang diwarisi itu biasanya mengandungi tanah kampong, tanah sawah dan rumah adat.

Organisasi bersuku dan perkahwinan bercorak eksogami telah menjadi suatu yang amat penting dalam menetapkan hak milik tanah kepada kaum perempuan yang dianggap sebagai ahli yang kekal di dalam masyarakat itu. Tanah pusaka itu akan kekal di dalam perlindungan kaum perempuan di dalam sesuatu suku itu. Tanpa harta pusaka, seseorang perempuan itu tidak ada tempat dalam Adat Perpatih dan ia dianggap sebagai anak dagang.

Syarak telah menetapkan pembahagian pusaka yang adil kepada orang-orang yang berhak dengan menentukan bahagian masing-masing dengan jelas. Ini ditetapkan oleh syarak supaya berlaku pemilikan secara adil dan tidak menzalimi hal orang lain. Islam telah menetapkan sebab-sebab yang mempusakai itu hanya tiga iaitu hubungan kerabat, perkahwinan dan wala’.

Ini berbeza dengan Adat Perpatih yang menganggap bahawa tanah pusaka itu adalah menjadi milik perempuan sebagai satu perlindungan kepadanya untuk mengelakkan gejala kemiskinan dan penderitaan. Kaum lelaki lebih mampu untuk mencari rezeki yang lebih daripada kaum perempuan (Abdul Halim bin Zulkifli 1989).

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Penyelidikan Fundamental, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Kod: USIM / FRGS / FSU / 32/50816

RUJUKAN

- Abdul Halim bin Zulkifli. 1989. Pembahagian Pusaka di Kalangan Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan : Satu Kajian Kes-Kes Pusaka Menurut Adat dan Faraid. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Muhammad Az-Zarqa. 2012. Syarah Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah. Damsyik: Dar al- Qalam.
- Azima Abdul Manaf. 2009. Masalah dan Cabaran Tanah Adat Minang di Dunia Melayu Malaysia dan Indonesia. Geografia OnlineTM Malaysia Journal of Society and

- Space 5 issue 1: 69-78.
<http://www.ukm.my/geografi/images/upload/7.2009-1-azima%20abdul%20manaf-melayu-3.pdf> (2 Mei 2017).
- Firdauska Darya Satria. 2015. Meninjau Kaidah Al-Adah Muhakkamah sebagai Bagian Dari Urf Adat Kebiasaan Pada Masyarakat Sebagai Dalil Syariah. https://www.academia.edu/19975050/meninjau_kaidah_al-%C3%82dah_muhakkamah_sebagai_bagian_dari_urf_Adat_Kebiasaan_Pada_Masyarakat_Sebagai_Dalil_Syariah (3 Mei 2017)
- Habyb Mudzkin. 2014. al-Adatu Muhakkamah. <https://habyb-mudzakir08.blogspot.my/2014/04/al-adatu-muhakkamah.html> (3 Mei 2017)
- Hajah Makiah Tussaripah Hj Jamil dan Jamaliah Mohd Taib. 2012. Kajian Adat Perpatih Di Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Islam. Kertas kerja Konferensi Membongkar Rahsia Pendidikan Islam. <https://www.researchgate.net/publication/301893435> (akses: 3 MEI 2017).
- M.Maulana Hamzah, Rahmat Budiman, Yudi Yudiana. t.th. al-Adah Mukakkamah (Adat yang menjadi hukum). [https://www.academia.edu/9567790/aL-Adaah_Muhakkmah_Adat_yang_Menjadi_Sumber_Hukum_\(3_Mei_2017\)](https://www.academia.edu/9567790/aL-Adaah_Muhakkmah_Adat_yang_Menjadi_Sumber_Hukum_(3_Mei_2017))
- Jabatan Mufti Negeri Sembilan. 2016. Pewarisan Tanah Adat: Kebenaran Pelaksanaannya Menurut Islam. Seremban: Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Mohd Anuar Ramli, Mohammad Aizat Jamaludin. t.th. Hak Pusaka Wanita: Antara Ketetapan Syarak dan Dinamisme Budaya Setempat. https://www.academia.edu/4407256/Hak_Pusaka_Wanita_Antara_Ketetapan_Syarak_Dan_Dinamisme_Budaya_Tempatan (4 Mei 2017)

Norhalim Hj Ibrahim. 2001. Tanah Adat Dulu, Kini dan Akan Datang. Warisan: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan. 25: 54-91 (atas talian) http://malaycivilization.ukm.my/idc/groups/portal_aperpatih/documents/ukmpd/adat_00243.pdf (2 Mei 2017).

Portal Rasmi JKPTG,
<http://www.kptg.gov.my/ms/content/apakah-yang-dimaksudkan-dengan-tanah-adat-customary-land> (akses: 3 Julai 2017)